



SEMBANG MAYA LAWAN SEMBANG BERSEMUKA

KEPANTASAN perkembangan teknologi maklumat pada hari ini memberikan kesan yang besar dalam kehidupan masyarakat. Kehadiran telefon pintar mengubah sebahagian besar gaya hidup masyarakat, termasuklah cara bersosial dan berkomunikasi sesama mereka.

MASYARAKAT pada hari ini lebih selesa menggunakan papan kekunci pada telefon masing-masing untuk berbual bicara secara dalam talian berbanding dengan bertemu secara fizikal atau bersemuka di alam realiti. Dalam hal ini, perbualan boleh berlangsung melalui pesanan ringkas yang ditaip melalui papan kekunci di telefon pintar, merakam pesanan suara, atau dengan hanya menyentuh satu ikon panggilan video dan orang yang terlibat boleh berbual secara dalam talian pada satu tempoh masa yang dikehendaki.

Dua aplikasi terkenal yang menyediakan kemudahan bual bicara secara dalam talian pada telefon pintar pada hari ini ialah WhatsApp dan Telegram. Kedua-dua aplikasi ini menyediakan kemudahan menghantar pesanan dan membuat panggilan video dengan percuma dengan syarat mempunyai data yang cukup, di samping kemudahan lain, seperti pelantar perbincangan secara berkumpulan. Kedua-dua aplikasi dapat diakses dengan mudah dan menjadi pilihan kebanyakan masyarakat untuk bersosial secara dalam talian, bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa aplikasi ini menjadi suatu keutamaan kepada pengguna telefon pintar pada hari ini.

Dalam hal ini, penggunaan telefon pintar melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram membolehkan mesej dapat disampaikan dengan lebih pantas. Pembicara yang terlibat boleh sahaja menyampaikan pesanan dengan hanya menaipnya di papan kekunci telefon pada bila-bila masa atau merakam pesanan suara. Pesanan tersebut pula boleh dihantar dalam tempoh masa tidak kurang daripada lima saat untuk diterima. Oleh yang demikian, banyak masa dapat diijimatkan bagi membuat persiapan untuk bertemu secara bersemuka seperti memilih pakaian yang sesuai dan memandu ke lokasi pertemuan secara fizikal di alam realiti.



Perbincangan yang melibatkan penglibatan ramai juga dapat direalisasikan tanpa halangan sempadan tempat dan waktu menggunakan aplikasi seperti WhatsApp atau Telegram. Perkara ini dapat dicipta dengan mudah sepantas beberapa saat untuk mengumpulkan sebilangan orang yang terlibat untuk dimasukkan dalam suatu kumpulan perbincangan secara maya dengan nama tertentu. Pengalaman sebagai pendidik di institusi pengajian tinggi mendapati aplikasi ini sangat membantu pensyarah untuk menyalurkan maklumat kepada sekumpulan pelajar bagi kursus tertentu dengan mudah dan pantas.

Dalam situasi negara dilanda wabak COVID-19 ini, aplikasi WhatsApp umpamanya sangat praktikal digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang paling asas untuk semua pelajar kerana aplikasi tersebut sangat mesra pengguna dan dapat diakses dengan kelajuan Internet yang minimum. Bahan pembelajaran masih dapat dimuat naik menggunakan aplikasi tersebut dan pelajar dapat mengaksesnya dengan mudah dengan syarat mereka mempunyai data yang cukup untuk memuat turun dokumen, dan kemudian memindahkannya ke tempat simpanan yang bersesuaian. Perbincangan juga dapat diadakan dari masa ke masa tanpa halangan sempadan geografi.

Demikian juga, pada masa ini medium WhatsApp dan Telegram dalam telefon pintar menjadi pilihan kebanyakan pihak majikan untuk mewujudkan kumpulan perbincangan tertentu bagi menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan dasar syarikat dengan lebih pantas dan mudah. Dalam keadaan tertentu pula kedua-dua medium ini juga berfungsi sebagai pelantar elektronik yang berguna untuk membincangkan sesuatu isu yang perlu ditangani segera dan memungkinkan keputusan dapat disepakati pada bila-bila masa dengan lebih mudah dan cepat. Dalam keadaan ini, bertemu dan berbual secara bersemuka yang memerlukan persediaan tempat dan kos makan minum dapat diijamatkan secara berkesan.

Dalam hubungan sosial dan kekeluargaan pula kedua-dua aplikasi

tersebut membuatkan jarak yang jauh bukan lagi penghalang untuk mengeratkan silaturahmi. Panggilan video dalam aplikasi WhatsApp umpamanya dapat mengumpulkan ahli keluarga dari tempat yang berbeza pada satu masa untuk berbual secara langsung dan dapat melihat wajah masing-masing pada tempoh masa yang diingini. Dalam hal ini tuntutan untuk bertemu muka secara fizikal dan berbual bicara di alam realiti boleh menjadi suatu pilihan, melainkan wujudnya keperluan mustahak, seperti ziarah kerana masalah kesihatan, kematian dan perkahwinan.

Walau bagaimanapun, di sebalik semua kebaikan tersebut, ada beberapa perkara penting yang kita mungkin terlepas pandang, dan boleh menyebabkan terhakisnya nilai penting yang perlu dipertahankan. Pada masa dahulu masyarakat Melayu sangat gemar untuk kunjung-mengunjungi, ziarah-menziarahi untuk mengeratkan silaturahmi, bahkan bersemuka sesama sendiri apabila mempunyai sesuatu hajat penting untuk disampaikan.

Umpamanya untuk tujuan merisik dan memining, pertemuan secara bersemuka menjadi suatu adat yang sangat dititikberatkan untuk menyampaikan hajat dengan penuh santun dan beradab. Bahasa dan kata yang digunakan untuk menyampaikan hajat tersebut berupa bahasa yang indah, berseni, dan bermakna sehingga mengangkat ketinggian bangsa tersebut. Ada pantun, ada pepatah petiti, seloka dan peribahasa bagi menguatkan maksud untuk menjelaskan hajat dalam komunikasi secara bersemuka.

Sebaliknya, dalam situasi perbualan biasa dan keadaan hidup yang mementingkan keantasan masa dan penjimatan kos dalam penyampaian maklumat, penggunaan bahasa indah seperti peribahasa, pepatah-petiti dalam perbualan menggunakan telefon pintar sukar untuk direalisasikan. Sebagai seorang pendidik, penulis amat terkesan dengan situasi ini. Pengalaman penulis ketika berkomunikasi dengan pelajar melalui telefon pintar ada kalanya memerlukan cara yang sesuai untuk menanganinya. Ada beberapa perkara penting yang kurang sihat sebagai

kesan daripada komunikasi secara tidak bersemuka melalui telefon pintar berdasarkan pengalaman yang pernah dialami oleh penulis.

Yang pertama sekali dari segi adab. Ada sebahagian pelajar yang mengabaikan kata sapaan, seperti "Assalamualaikum, selamat sejahtera, selamat pagi" sebagai permulaan perbualan atau sekurang-kurangnya bertanya khabar kepada pensyarah. Ada juga yang terlupa memperkenalkan diri seperti nama, kursus dan program yang diikuti, sebaliknya terus dengan pertanyaan-pertanyaan yang kurang menyenangkan, seperti "Puan di mana sekarang? Saya nak jumpa puan." Bagi penulis, soalan sebegini agak kurang manis ditanyakan oleh seorang pelajar kepada seorang pensyarah atau guru, walaupun pelajar tersebut sebenarnya tidak mempunyai niat untuk mencampuri urusan peribadi pensyarahnya.

Dihujani dengan soalan begini, penulis selalu mengambil pendekatan yang lebih mesra, iaitu dengan meminta pelajar tersebut memperkenalkan nama, kursus dan program yang diikuti serta menyatakan hajat mereka. Penulis juga menjelaskan secara spontan bahawa setidak-tidaknya mereka bertanya sama ada pensyarah mempunyai masa lapang ataupun tidak terlebih dahulu untuk meneruskan komunikasi dengan mereka. Reaksi yang penulis dapat daripada tindakan inilah adalah sangat positif. Pelajar terbabit akan meminta maaf dengan kata yang sopan dan diperteguh dengan ikon emoji yang sesuai untuk meneguhkan maksudnya. Di sini penulis dapat mengesan bahawa ikon emoji seperti gembira, sedih, atau kesal mengambil tempat peribahasa dan pepatah-petiti yang indah untuk meneguhkan maksud dalam komunikasi bersemuka yang dijalankan oleh masyarakat pada zaman dahulu.

Perkara kedua yang timbul akibat daripada perbualan menggunakan telefon pintar melalui aplikasi WhatsApp ialah penggunaan singkatan bahasa yang sangat berleluasa sehingga menyukarkan pembacaan dan menjejaskan penyampaian maksud. Umpamanya, "Asmk Pn. Puan free tak hr ni? Sy nk suruh pn cek assg saya. Trm ksh pn."

Perkara ini mungkin kelihatan sangat remeh, namun ada dua isu yang besar di situ. Isu pertama ialah isu tentang tatabahasa yang sangat berkait dengan pemertabatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang harus dipelihara oleh setiap warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.

Ironinya, kita yang menghantar pesanan ringkas tersebut sudah pandai menulis dan mengeja dengan betul. Tidak susah untuk menulis, “Assalamualaikum puan. Puan lapangkah hari ini? Saya ingin meminta pandangan puan berkaitan dengan tugas yang dilakukan.” Kebanyakan daripada kita selalu memberikan alasan bahawa hendak cepat dan tidak berniat mempersendakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dalam hal ini, sekali lagi kita berhadapan dengan kebiasaan yang menjadi suatu budaya dalam hidup. Pengalaman penulis berkomunikasi dengan pelajar dalam lima tahun kebelakangan ini mendapati bahawa jarang-jarang sekali penulis menerima pesanan ringkas yang ditulis dan dieja dengan baik. Jangkaan penulis ialah budaya ini akan terus berkembang pada masa akan datang sekiranya tidak ditangani.

Penulis sedar bahawa saranan supaya masyarakat menulis semua teks pesanan dengan ejaan yang betul bukanlah bermakna tidak ada perkataan yang tidak boleh diringkaskan ejaannya. Ada perkataan tertentu yang telah difahami singkatannya dan boleh digunakan dalam penulisan teks pesanan ringkas. Contohnya, perkataan “kampung” yang boleh diringkaskan kepada “kg.,” perkataan “yang” boleh diringkaskan kepada “yg.,” perkataan “seperti” diringkaskan kepada “spt.,” perkataan “dan lain-lain” kepada “dll.” dan banyak lagi; sementara perkataan lain, eloklah dieja penuh sebagai manifestasi kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan. Rasanya tidak salah membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul untuk menjadikannya budaya yang boleh dipraktikkan.

Isu yang kedua timbul daripada contoh komunikasi yang dikongsi oleh

penulis berkaitan dengan penggunaan bahasa rojak atau percampuran kod bahasa dengan berleluasa. Sekali lagi isu ini berkaitan dengan isu pemertabatan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang harus dipelihara oleh setiap warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama. Isu bahasa rojak ini juga bukan sesuatu yang baharu dan seakan-akan telah diterima umum dalam perbualan harian. Budaya ini sukar dikikis tanpa kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum untuk mendaulatkan bahasa Melayu.

Sebenarnya tidak susah untuk mempraktikkan penulisan teks pesanan ringkas atau pesanan suara dengan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, asalkan ada kemahuan. Kosa kata bahasa Melayu sangat luas dari masa ke masa dan bertambah seiring dengan perkembangan teknologi. Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa proaktif dalam usaha memperkenalkan istilah baharu dalam pelbagai bidang, seperti istilah “swafoto” menggantikan istilah “selfie”, istilah “dalam talian” menggantikan istilah “online”, istilah “kebiasaan baharu” menggantikan “new normal” dan banyak lagi. Oleh itu, apakah lagi alasan untuk tidak menggunakan istilah dalam bahasa Melayu dalam perbualan secara dalam talian?

Selain isu bahasa, wujud juga isu moral dan etika yang timbul berhubung dengan penyaluran maklumat melalui telefon pintar menerusi kedua-dua aplikasi tersebut. Satu daripadanya ialah isu privasi. Penggunaan aplikasi WhatsApp atau Telegram sebagai medium penyampaian maklumat oleh majikan kepada pekerja atau oleh pensyarah kepada pelajar dan sebaliknya, ada kalanya mengganggu privasi atau hak individu terutamanya pada hari cuti hujung minggu atau selepas waktu bekerja. Penulis melihat perkembangan ini bukanlah

suatu perkara yang baik kerana boleh menyebabkan berlakunya tekanan kerana beban kerja yang berlebihan.

Dalam hal ini, setiap pihak yang terlibat harus saling menghormati hak masing-masing. Majikan menghormati hak pekerja dan sebaliknya. Demikian juga, seorang pelajar perlu menghormati waktu rehat pensyarah dan seorang pensyarah juga harus menghormati hak pelajarannya. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh sifat kedua-dua aplikasi tersebut yang mudah akses pada bila-bila masa dan lazim digunakan, kesedaran tentang privasi seseorang yang perlu dihormati agak kurang dalam kalangan masyarakat. Perkara ini boleh dielakkan jika penyampaian mesej dilakukan secara bual bicara bersemuka di alam realiti yang kebanyakan daripada masyarakat lebih sedar tentang waktu yang sesuai atau tidak sesuai untuk bertemu muka.

Demikianlah sepintas lalu, perbincangan berkaitan dengan bual bicara melalui telefon pintar lawan bual bicara secara bersemuka di alam realiti. Sememangnya, penggunaan telefon pintar melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram memudahkan kita menyampaikan maklumat tanpa had dan masa, tetapi awas dengan bahasa yang kita gunakan! Janganlah kerana hendak menjimatkan masa, kita meremehkan adab dan tanggungjawab sebagai pengguna bahasa Melayu yang perlu memartabatkannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu. Ingatlah pesan bahawa bahasa menunjukkan bangsa! **PB**



Kemudahan telefon bukan sekadar berswafoto sahaja, tetapi perlu digunakan secara bijak.